

12 FEB 2001

Syed Hamid - Myanmar

MALAYSIA ALU-ALUKAN SIKAP TERBUKA KERAJAAN MYANMAR

KUALA LUMPUR, 12 Feb (Bernama) -- Malaysia mengalu-alukan perubahan sikap Myanmar yang kini lebih terbuka dan berlembut, dan yakin perkembangan itu akan membawa kepada perubahan politik yang lebih baik kepada negara anggota Asean.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata perkembangan politik di Myanmar kini amat menggalakkan dan Malaysia yakin satu hari kelak pihak yang bertelagah di negara itu akan mencapai kata sepakat mengenai cara terbaik negara itu diperintah.

Beliau mengulas perkembangan positif yang dilaporkan oleh wakil khas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi Myanmar Tan Sri Razali Ismail baru-baru ini mengenai misinya ke negara itu.

Syed Hamid berkata demikian pada persidangan media selepas melawat ibu pejabat Majlis Kebangsaan Persatuan-Persatuan Belia Malaysia (MAYC) di sini.

Razali dilaporkan berkata beliau telah dibenarkan berjumpa dengan pemimpin pembangkang Aung San Suu Kyi, yang kini dikenakan tahanan dalam rumah, sebanyak dua kali bulan lepas, di samping mengadakan pertemuan dengan pemimpin tertinggi junta tentera negara itu Lt Gen Khin Nyut.

Razali diberikan mandat oleh PBB untuk membincangkan isu yang bersangkutan Resolusi Perhimpunan Agung PBB pada Disember 1999, yang menggesa kerajaan Myanmar menghentikan pencabulan hak asasi manusia, di samping menyeru pemerintah negara itu mengambil langkah mengembalikan demokrasi.

Syed Hamid berkata sebagai sebuah negara yang mempunyai hubungan rapat dengan Myanmar, Malaysia menyokong sepenuhnya usaha yang sedang dijalankan oleh Razali bagi mengembalikan demokrasi di negara itu.

Bagaimanapun, katanya, sejajar dengan dasar tidak campur tangan dengan hal ehwal dalaman negara lain, Malaysia berpendirian pendemokrasian di Myanmar perlu mengikut kesesuaian dan keselesaan sendiri, tanpa tekanan atau paksaan daripada negara lain.

"Kerajaan Malaysia sentiasa menekankan konsep perhubungan yang membina tanpa menyisihkan mana-mana negara, dan dalam soal Myanmar kita hanya boleh menunjukkan bagaimana proses demokrasi membawa manfaat kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat di negara ini," katanya.

Beliau berkata lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Myanmar awal tahun ini telah membawa hasil yang menggalakkan, yang mana Malaysia akan membantu pembangunan ekonomi negara itu.

Katanya, Malaysia yakin proses pendemokrasian di Myanmar akan berkembang apabila keadaan ekonomi negara itu bertambah baik.

Mengulas lawatannya ke ibu pejabat MAYC, Syed Hamid berkata lawatan itu bertujuan meninjau perubahan fizikal termasuk pengubahsuaian yang boleh dilakukan terhadap ibu pejabat serta asrama belia yang diuruskan oleh MAYC.

Ini merupakan lawatan pertama Syed Hamid sejak mengambil alih jawatan Presiden MAYC daripada Tan Sri Sanusi Junid akhir tahun lepas.

--BERNAMA

AKT ZS RI